From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MATRIX UUM PERKUKUH JARINGAN STRATEGIK SEKTOR AEROANGKASA DAN PENERBANGAN
Date: Thursday, 10 September, 2026 10:14:10 AM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

10 SEPTEMBER 2026 / 28 RABIULAWAL 1448H
==========

Berita oleh: Ts. Dr. Mohamad Huzaifah Mohd Dzubaidi
Gambar oleh: Ts. Dr. Fazillah Mohmad Kamal

MATRIX UUM PERKUKUH JARINGAN STRATEGIK SEKTOR AEROANGKASA DAN PENERBANGAN



UUM ONLINE: Sintok, 9 September 2026 – Kumpulan Penyelidikan *Modelling, Analytics, and Simulation Research Team for Innovation and Excellence* (MATRIX) dari Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS), Universiti Utara Malaysia (UUM) terus melangkah ke hadapan dalam memperkasa hubungan akademik-industri menerusi siri kunjungan hormat ke industri aeroangkasa dan penerbangan, hari ini.

Kunjungan strategik yang berlangsung di Boeing Composite Malaysia (BCM), Bukit Kayu Hitam itu menjadi medan penting dalam merencana potensi kerjasama pintar. Antara fokus perbincangan merangkumi penyelidikan bersama, perkongsian data, aktiviti perundingan, serta peluang pemindahan ilmu yang berupaya memberi impak positif kepada kedua-dua pihak.

Penglibatan aktif MATRIX ini membolehkan universiti memperluaskan lagi liputan impak penyelidikan melalui penawaran penyelesaian berasaskan analisis data saintifik dan simulasi statistik yang berimpak tinggi.

Delegasi lawatan yang dianggotai enam ahli penyelidik MATRIX ini telah diketuai oleh Prof. Madya Dr. Mohd Kamal M. Nawawi (dari kiri) bersama-sama Dr. Mohammad Zukuwwan Zainol Abidin, Ts. Dr. Mohamad Huzaifah Mohd Dzubaidi, Ts. Dr. Fazillah Mohmad Kamal (dari kanan), Dr. Norhayati Yusof, serta Dr. Labiyana Hanif Ali.

Inisiatif proaktif ini bukan sahaja menonjolkan kepakaran bidang kepakaran yang dimiliki oleh tenaga pakar SQS UUM, malah menjadi pemangkin kepada peningkatkan bilangan aktiviti bukan penyelidikan bersama rakan industri (*Number of Non-Research Activities with Industry Partners*).

Menerusi jalinan kerjasama strategik bersama gergasi industri seperti Boeing Composite Malaysia, MATRIX komited untuk memperkukuhkan ekosistem penyelidikan dan perundingan UUM, sekaligus melonjakkan lagi keterlihatan kepakaran akademik universiti di persada industri tempatan dan antarabangsa.

ZMS/JKK/2026

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.